

Manuscript received date: 8th November 2017Manuscript accepted date: 3rd August 2018

Analisa Syariah Terhadap Konsep dan Jualan Lelong Secara Bisik: Kajian Kes Pasar Bisik Kuala Muda Kedah

[Shariah Analysis on the Concept and Application of Whispering Auction Sales: A Case Study of *Pasar Bisik Kuala Muda Kedah*]

Aunurrochim Muhamad Mas’ad

Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Nilai, Negeri Sembilan, 71800, Malaysia
aun2512@yahoo.com

Abstrak

Lelong adalah salah satu proses jual beli yang diamalkan oleh sebahagian masyarakat untuk memenuhi kehidupan mereka dengan cara menawarkan barang atau (perkhidmatan) untuk dibida, mengambil bida kemudian menjual barang kepada pembida tertinggi. Kebiasaannya lelong dilaksanakan secara terbuka sama ada secara lisan ataupun bertulis. Namun ada juga sesetengah masyarakat yang melakukannya secara bisik di mana pembeli atau pembida akan membisikkan secara bergantian harga barang yang ditawarkan kepada penjual dan dikuti oleh pembida-pembida yang lain sepertimana yang berlaku pada mekanisma pasar bisik di Kuala Muda Malaysia. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana kepatuhan jual beli lelong yang dilakukan secara bisik terhadap kehendak syarak dari segi terpenuhinya rukun dan syarat jual beli. Hasil kajian mendapati bahawa jual beli lelong secara bisik tak ubahnya seperti praktek jual beli lelong secara tradisional yang dilakukan sama ada secara terang terangan ataupun secara bertulis bahkan lelong di atas talian; iaitu boleh apabila rukun dan syaratnya terpenuhi dan bebas dari elemen utama yang dilarang; *riba*, *gharar*, *najsy*, *curbun* dan *maysir*. Selain itu, syarak sangat mengambil berat dan mempertimbangkan aspek kebiasaan atau amalan yang baik yang menjadi tradisi di kalangan masyarakat untuk dijadikan suatu hukum sebagaimana disebutkan dalam kaedah fiqh (*al-‘adat muhakkamah*) dan (*al-ma‘ruf ‘urfan ka al-masyrut syartan*).

Kata kunci: *Lelong, najsy, gharar, al-‘dah, ‘urbun, riba, fiqh muamalat.*

Abstract

Auction is a sale process practiced by communities by offering goods or services for bid and selling them to the highest bidder. Normally, the auction is implemented openly, but there are some people who did it in secret in which the buyer or bidder will whisper alternately price offered to the seller and followed by the other bidders as what happened in the market mechanism in Kuala Muda Malaysia which called as *Pasar Bisik*. This paper aimed to examine the extent of compliance of the auction sale conducted by whisper to the Islamic law in terms of fulfillment of the principles and conditions of sale contract. The study found that selling auction by whisper is like an ordinary auction sale practice which made either bright light or in writing even in the online auction, ie when the rules and conditions can be fulfilled and independent of the main elements of which are prohibited; *riba*, *gharar*, *najsy*, *‘urbun* and *maysir*. Rather than that, Islam is very concerned and considering the good habit or practice among the society to make it as a rule based on Islamic legal maxims (*al-‘adat Muhakkamah*) and (*al-ma‘ruf ‘urfan ka al-masyrut syartan*).

Keywords: *auction, legal maxims, gharar, 'urbun, bid, 'urbun, fiqh muamalat.*

Pendahuluan

Lelong merupakan salah satu transaksi jual beli yang melibatkan beberapa pihak dari kalangan masyarakat untuk memperoleh, menjual atau memperuntukkan suatu barangan ataupun perkhidmatan. Barang yang ditawarkan adalah pelbagai. Di antara barangan yang dilelong antara lain, barangan antik, lukisan lukisan, kereta-kereta eksotik bahkan hartanah dan lain sebagainya. Transaksi lelongan merupakan salah satu cara biasa yang dapat melupuskan aset di pasaran terbuka untuk jualan yang segera di mana berkemungkinan akan dapat pada harga tertinggi. Kaedah pemasaran ini menggunakan cara yang tidak menyusahkan pemilik kerana penjual berupaya untuk menjual barangan dalam tempoh dan harga yang mereka inginkan. Justeru dalam masa yang singkat dapat memaksimumkan pelaburan mereka. Bagi pembeli pula, mereka berkesempatan untuk

membayar nilai sesuatu barang. Oleh yang demikian, membeli atau menjual menerusi transaksi lelong merupakan satu keputusan perniagaan yang baik untuk semua pihak yang terlibat.

Secara amnya, terdapat dua jenis transaksi lelongan, iaitu pertama lelongan komoditi yang terdiri daripada komoditi pertanian seperti teh, kopi, getah, tembakau dan ikan. Selain lelong ikan, pembeli tidak menerima komoditi yang ditawarkan melainkan diganti dengan surat jaminan atau surat kontrak penyerahan barang mengikut tempoh waktu yang ditentukan. Kedua: Lelongan umum, iaitu lelongan yang menawarkan pelbagai jenis barangan seperti barang antik, lukisan, kereta, rumah, hartanah dan lain sebagainya.


Pengertian fiqh muamalat

Fiqh muamalat yang merupakan salah satu bahagian dari syariah membawa maksud perhubungan sosial dalam kepelbagaian aktiviti ekonomi dan bukan ekonomi. Dalam konteks aktiviti ekonomi, fiqh muamalat mengatur aktiviti tersebut dengan peraturan dan prinsip yang unik. Peraturan ini merupakan ketentuan Allah (swt) yang pastinya dapat memberikan kelebihan kepada sistem ekonomi Islam jika dibandingkan dengan sistem-sistem ekonomi yang lain. Segala keistimewaan ini sudah tentu akan memastikan sistem ekonomi Islam lebih seksama. Aktiviti ekonomi Islam tidak boleh dipisahkan daripada fiqh muamalat, malah aktiviti ini hendaklah dikawal dan dipandu secara seksama agar sentiasa berjalan mengikut kehendak syarak. Fiqh muamalat dapat didefinisikan sebagai ilmu yang mempelajari hukum- hukum syarak yang bersifat praktikal yang berkaitan dengan perbagai transaksi atau urusan niaga seperti pertukaran harta benda (jual beli, sewaan, hutang piutang dan sebagainya), yang mengatur hubungan antara satu individu dengan individu yang lain ataupun kelompok dengan kelompok yang lain dalam urusan duniawi dan pergaulan social dengan

mengambil kira aspek maqasid syariah dalam pelaksanaan hukum tersebut. Dengan kata lain, muamalat adalah satu hubungan kepentingan antara sesama manusia (*habl min al-nas*) yang meliputi pelbagai transaksi. (Yasmin, Aunurrochim. 2011).

Sekiranya wujud perkara-perkara yang ketetapan hukumnya tidak terdapat di dalam Al-Qur'an dan Hadis, maka ia dapat diperolehi menerusi mekanisme ijtihad dengan menggunakan kaedah-kaedah usul dan fiqh yang bersandarkan kepada kedua- dua sumber utama tersebut, kerana menggunakan akal fikiran untuk mendapat ketetapan hukum yang tidak disebutkan secara spesifik di dalam Al-Qur'an dan Hadis adalah dibenarkan. Di antara metode ijtihad adalah sebagai berikut (*ijmac, qiyas, masalih mursalah, istihsan, istishab serta curf*). Selain itu, mekanisme penyelidikan fatwa yang berkait rapat dengan objektif syariah (*maqasid syariah*) diperlukan dalam menyelesaikan permasalahan baru kesan daripada perubahan corak kehidupan. (Azhar, A., Hussain, M. A., Md. Nor, M. Z., & Othman, M. K. 2017)

Jadual 1: Aspek-aspek muamalat




Pasar Bisik Kuala Muda Kedah

Kota Kuala Muda terletak di muara Sungai Muda. Ini adalah sebuah desa nelayan kecil dan berjarak sekitar 25 km dari Sungai Petani. Pada zaman dahulu, Kuala Muda merupakan pelabuhan penting di Kedah. Hal ini terus membangun selepas Inggeris menduduki Pulau Penang, yang dirangsang oleh kenaikan dalam perdagangan dan kesejahteraan Penang. Pasar Bisik Kampung Kuala Muda adalah perkampungan nelayan yang pernah menjadi sebutan orang ramai ekoran kejadian ombak tsunami yang melanda penempatan tersebut pada 26 Disember 2004. Kuala Muda atau Kuala Sungai Muda ialah sebuah kampung perikanan di negeri Kedah, Malaysia, yang terletak di dalam daerah yang mempunyai nama yang sama.

Mengikut pengakuan penduduk, Pasar Bisik Kuala Muda sebenarnya sudah lama tidak

berfungsi lebih 18 tahun lalu selepas Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memperkenalkan sistem baru yang membolehkan nelayan menjual hasil tangkapan kepada agensi itu. Namun, kejadian tsunami pada tahun 2004 telah memberi rahmat besar sehingga membawa kepada usaha menghidupkan semula sistem tersebut dengan pembinaan Pasar Bisik Kuala Muda.

Selepas kejadian tsunami, ramai nelayan yang hilang punca pendapatan kerana bot-bot mereka rosak selain bangunan pasar sedia ada turut musnah. Kebanyakan Pembeli dan pemborong berpindah ke tempat lain. Hanya sebahagian kecil nelayan yang terselamat kemudiannya berpakat dan mendirikan khemah-khemah kecil lalu mewujudkan semula sistem jualan bisik-bisik ini.



Gambar: Peta Pasar bisik Kuala Muda, Kedah (GPS: 5.57827, 100.34105)

Tanpa diduga sistem jual beli secara bisik itu berjaya menarik perhatian orang ramai dan dengan tidak semena-mena, Pasar Bisik Kuala Muda kembali menjadi tumpuan dengan kehadiran pemborong ikan dari serata tempat termasuk dari Kedah dan Perak. Sebab itulah, kerajaan membina bangunan pasar baru selepas

kejadian tsunami yang membolehkan para pembeli dan nelayan dapat menjalankan urusan niaga dengan lebih selesa. Menariknya, orientasi jualan sistem bisik memberi kelebihan kepada pembeli dan nelayan kerana urusan jual beli tidak melibatkan orang tengah yang kebiasaannya memanipulasi harga.

Sekilas praktik jual beli lelong dalam pada zaman Rasul (saw)

Transaksi jual beli lelong memiliki sejarah yang panjang. Ia direkodkan seawal 500 tahun sebelum Masehi. Menurut Herodotus, di Babylon, lelongan wanita untuk berkahwin telah diadakan setiap tahun. Adalah menyalahi undang-undang apabila membenarkan anak perempuan dijual dengan kaedah lelongan. (wikipedia.org/wiki/Auction, 08 Disember 2016)

Dalam sejarah Islam, transaksi lelong atau al-muzayadah dalam bentuknya yang sederhana telah pun diimplementasikan oleh Baginda Rasul (saw). Sebagaimana disebutkan dalam sebuah riwayat Anas bin Malik di mana terdapat seorang lelaki dari kalangan Anshor datang menghadap Rasul (saw) sambil meminta sesuatu. Rasul (saw) bertanya, "Apa yang engkau miliki di rumahmu?" Kemudian lelaki itu menjawab: "Ada, kami mempunyai kain

tebal yang (kadang) kami pakai (untuk mengelak cuaca sejuk) dan (kadang juga) kami gunakan (sebagai alas tunggangan) serta gelas/cawan. Rasul (saw) berkata: "Kalau begitu, bawalah kedua barang itu kepadaku." Lelaki itu datang membawanya. Rasul (saw) berkata: "Siapa yang mahu membeli barang ini?" Salah seorang sahabat Baginda menjawab: "Saya mau membelinya dengan harga satu dirham." Rasul (saw) bertanya lagi: "Ada yang mau membelinya dengan harga lebih mahal?" Rasul (saw) menawarkannya hingga dua atau tiga kali. Tiba-tiba salah seorang sahabat Baginda berkata, "Aku mahu membelinya dengan harga dua dirham." Maka Rasul (saw) memberikan dua barang itu kepadanya dan Baginda mengambil wang dua dirham itu dan memberikannya kepada lelaki Anshar. (Al-Tirmizi, 1988)

Pengertian lelong secara konvensional dan syarak

Lelong atau auction dalam bahasa Inggeris berasal dari perkataan Latin : auctus atau augeō yang bermaksud saya meningkatkan atau saya menambah. Menurut sebahagian sejarah, praktek transaksi lelong kurang begitu popular dalam meniadakan komoditi ataupun pertukaran barang. (wikipedia.org/wiki/Auction, 08 Disember 2016).

Lelong bermaksud penjualan barang-barang di hadapan orang ramai dan pembeli-pembelinya menawarkan harga yang beratas-atasan; atau penjualan di hadapan khalayak ramai dengan harga beratas-atasan oleh pembeli-pembelinya. (prpm.dbp.gov.my, 08 Disember 2016). Maknanya, dalam jual beli lelong, para calon pembida (pembeli) diberi kesempatan untuk mengajukan bidaan harga sesuai dengan kemampuan dan minat masing-masing. Kebiasaannya pemenang atau yang berhak membeli adalah peserta yang mengajukan bidaan atau tawaran tertinggi.

Lelong adalah satu mekanisma ekonomi eksplisit di mana terdapat seorang penjual tunggal yang dibenarkan untuk melakukan proses lelongan kepada para peserta yang dikenali sebagai para pembida. Proses lelongan ini dilakukan bagi mendapat persetujuan mengenai pembayaran yang bakal diterima oleh penjual di samping membuat peruntukan bagi butiran barangan yang hendak dijual (vijai, 2002). Lelongan juga dianggap sebagai kaedah yang paling mudah untuk menjual barangan dan kebanyakannya merupakan cara biasa penentuan harga bagi perdagangan pelbagai hala di antara perantara tanpa broker dan tenaga pakar. Prosedur bagi majlis lelongan ini adalah berdasarkan proses tawaran dan menawarkan barangan yang hendak diperdagangkan.

Lelong dalam bahasa Arab dikenali sebagai Bay^c al-muzayadah. Ibn Manzur (1995) menyebutkan al-muzayadah berasal dari kata terbitan al-ziyadah. Secara tradisi, ketika proses

lelongan bermula pihak penjual akan mengatakan “man yazid?” Siapa yang menambah (harga)?” Menurut Ma’jam Isra (2010), al-muzayadah adalah saling menambah harga di antara pembida sehingga sampai pada harga yang terakhir dan tertinggi. Najati (2002). Bay al-muzayadah adalah menambah iaitu, menambah harga barang sehingga sampai satu titik. Dari segi istilah pula ia dikenali sebagai perbuatan di mana penjual menawarkan aset jualan diikuti permintaan para pembeli yang menawarkan harga berdasarkan kesanggupan masing-masing. Kemudian aset tersebut dijual kepada pembeli yang menawarkan harga tertinggi. Najati (2002) mendefinisikan muzayadah sekiranya seorang pembeli menambah harga pada sesuatu barang kemudian datang seorang pembeli lain dan menambah harga yang lebih tinggi berbanding dengan yang sebelumnya.

Abdullah dan Shalah (2004) pula mendefinisikan lelongan sebagai jual beli dengan cara penjual menawarkan barang

dagangannya, lalu para pembeli saling menawar dengan menambah jumlah harga dari pembeli sebelumnya, lalu si penjual akan menjual dengan harga tertinggi dari para pembeli tersebut. Manakala Mohd Ma’sum (2007) mendefinisikan lelong sebagai sejenis perniagaan barang yang diletakkan untuk jualan oleh pemilik barang dengan harapan untuk mendapat harga tertinggi daripada sekumpulan pembida. Dari definisi yang diberi di atas menunjukkan bahawa tiada perbezaan maksud lelong dari perspektif fiqh muamalat dan konvensional. Menurut Suruhanjaya Sekuriti (2006) memutuskan bahawa kaedah bayc al-muzayadah adalah harus. Jual beli lelong ini sama seperti jual beli barang biasa, oleh itu akad lelongan adalah berasaskan kepada akad jual beli secara umum. Di mana rukun dan syarat jual beli serta perkara yang membatalkan akad adalah tertakluk kepada kontrak jual beli. Islam sangat mengambil berat tentang akad atau majlis kontrak kerana ia menjadi tanda terdapatnya kerelaan antara pihak-pihak yang terlibat (Syed Mohd.Ghazali 2002)

Mekanisme lelong

Secara tradisi, bidaan dalam transaksi lelong dapat dilakukan dengan dua cara, iaitu sama ada secara lisan ataupun secara bertulis. Pertama; lelongan secara lisan boleh dilakukan dengan meletakkan tawaran harga rendah kemudian menaik ataupun sebaliknya. Cara lelongan dengan bidaan harga menaik, juru lelong atau penjual akan menyebutkan harga penawaran di depan orang ramai sehingga disepakati pada bidaan yang tertinggi dari kalangan pembida.

Adapun cara lelongan dengan bidaan harga menurun, juru lelong atau penjual akan menyebutkan harga penawaran pertama dengan harga yang tinggi. Apabila dalam penawaran tinggi tersebut belum ada peminat/pembeli, harga penawarannya diturunkan dan demikian seterusnya sehingga ditemukan pembeli. Kedua:

Amalan jual beli lelong secara bisik

Lelong adalah salah satu bentuk transaksi jual beli di mana para penjual menawarkan barangan di khalayak ramai kemudian para pembeli saling menawar barangan dengan kadar harga tertentu. Namun jual beli lelong yang dilakukan di pasar bisik Kuala Muda adalah berbeza dari

Lelongan secara bertulis. Cara lelongan secara bertulis ini biasanya diajukan di dalam sampul tertutup. Dalam Lelongan yang secara bertulis, Juru lelong atau penjual akan terlebih dahulu membahagikan surat penawaran yang telah disediakan sama ada oleh penjual pihak yang dikuasakan kepada para pembida. Dalam surat penawaran tersebut, terdapat butiran-butiran yang harus diisi oleh pembida termasuk jenis barang yang akan dibeli. Selepas itu, surat akan diserahkan kepada penjual untuk dilakukan semakan satu persatu sambil membacanya sehingga bersetuju dengan nilai bidaan tertinggi. Jika terjadi persamaan harga di dalam penawaran harga tertinggi/terendah itu, maka dilakukan pengundian untuk menentukan pembelinya yang sah, atau dengan cara lain yang lebih efisien yang ditentukan oleh penjual.

kebiasaannya di mana proses penawaran harga oleh pembeli dilakukan secara bisik. Para pembeli akan mendekati penjual sambil membisikkan harga dan diikuti oleh pembeli pembeli yang lain.

Transaksi jual beli lelong secara bisik adalah unik; pembeli atau pemborong ikan akan berbisik kepada nelayan (penjual) untuk membeli pelbagai jenis tangkapan laut seperti ikan, sotong, udang dan ketam, kupang dan lain sebagainya. Masing- masing pembeli atau pemborong akan menawarkan harga yang diingini secara bisik dan nelayan akan menjual hasil tangkapan berdasarkan 'harga bisik' yang paling tinggi ditawarkan tanpa diketahui oleh para pembeli lain. Hanya pihak penjual atau nelayan sahaja yang tahu harga yang ditawarkan oleh para pembeli. Kemudian nelayan akan menetapkan pilihan harga yang sesuai sebelum menjual kepada pembeli.

Dari amalan jualan lelong yang dilakukan secara bisik tadi menimbulkan persoalan di kalangan masyarakat yang menganggap bahawa praktek jualan lelong ini tidak sah kerana tidak memenuhi rukun dan syarat jual beli serta mengandungi elemen-elemen yang ditegah oleh syarak seperti saum, gharar, riba dan curbun yang boleh dianggap dapat merosakkan kesahihan akad lelong tersebut. Hipotesis ini belum dapat dipastikan kebenarannya sehinggalah dilakukan kajian ke atasnya. Oleh yang demikian tulisan ini akan memberikan ulasan atau pandangan syarak baik secara umum ataupun khusus terhadap cara dan tradisi yang diamalkan dalam jual beli lelong secara bisik.

Gambar: Suasana transaksi jual beli di Pasar Bisik Kuala Muda, Kedah



Ulasan Syariah ke atas praktek lelong secara bisik

Ulasan umum ke atas praktek/transaksi jualan lelong

Secara prinsipnya praktek jual beli lelong atau al-muzayadah adalah dibenarkan dan sesuai dengan kehendak syarak sepertimana yang dinyatakan oleh kebanyakan ulama (jumhur) seperti 'Ato', Mujahid, al-Auza'iy dan Ishaq. Para ulama menyatakan akan kebolehan praktek lelong tersebut, namun ada di antara mereka seperti Ibrahim al-Nakhaciy menyatakan dan menganggapnya sebagai makruh secara mutlak. Perbezaan pandangan ini disebabkan wujud larangan Rasul (saw) ke atas perbuatan al-saum (tawaran di atas tawaran orang lain) menerusi

sebuah hadis Rasul (saw) daripada Abu Hurayrah (ra): (La Yasum al-muslim ala saum akhii). Maksudnya: "Seorang Muslim tidak boleh menawar (barang) yang sudah ditawarkan oleh orang lain."

Al-Nawawiy (2003) menjelaskan bahawa maksud (al-saum ala saum akhii) adalah apabila telah berlaku kesepakatan antara penjual selaku pemilik barang dengan orang yang berhasrat (pembeli) ke atas satu harga dalam suatu majlis akad dan belum berpisah, kemudian datang seseorang sambil berkata: "Saya beli barang tersebut". Hukum praktek seumpama ini adalah haram. Abu al-Fadl al-Iraqiy (Tarh al-Tatsrib fi

Syarh al-Taqrīb 2002) menyatakan bahawa berdasarkan kesepakatan bahawa menawar harga barangan yang telah ditawarkan oleh orang lain haram hukumnya jika telah berlaku reda antara kedua-dua pihak. Ibn Rusyd (1999) menyatakan adakah larangan al-saum tersebut terhadap kepada keadaan tertentu sahaja atau mencakup semua keadaan. Dengan kata lain, adakah larangan al-saum ini mencakup larangan ke atas jual beli lelong (al-muzāyah)? (Ibn Rusyd. 1999). Menurut al-Zayla'iy (1896) proses menawar barang atau perkhidmatan ke atas penawaran orang lain tidak termasuk dalam kategori jual beli lelong yang ditegah. Sebagaimana sabda Baginda Rasul (saw): "Janganlah menawar sesuatu yang sudah ditawarkan orang lain dan jangan memiming pinangan orang lain" (HR. Bukhari dan Muslim).

Ibnu Qudamah (1968), dan lainnya meriwayatkan adanya ijmak (kesepakatan) ulama tentang kebolehan jual-beli secara lelong bahkan telah menjadi kebiasaan yang berlaku di pasar umat Islam pada masa dahulu. Sebagaimana Umar bin Khathab juga pernah melakukannya selain itu, karena umat juga memerlukan praktek lelong sebagai salah satu mekanisme dalam jual beli. Pendapat ini dianut seluruh madzhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali serta Dzahiri. Meskipun terdapat sebahagian kecil ulama yang keberatan seperti An-Nakha'i, dan Al- Auza'i.4 (Ibn Rusd, 1999)

Dari paparan pandangan ulama di atas dapat disimpulkan bahawa praktek jual beli lelong atau al-muzayadah adalah dibenarkan oleh syarak, kerana selain terpenuhi rukun dan syarat jual beli ia juga tidak mengandungi elemen al-saum sepertimana yang dinyatakan di dalam hadis tersebut.

Ulasan khusus ke atas transaksi jual beli lelong secara bisik

Perbezaan yang ketara antara transaksi jual beli lelong di Pasar Bisik Kuala Muda dengan transaksi jual beli lelong pada umumnya adalah dari segi cara dan tradisi yang diamalkan dalam menjalankan jual beli lelong. Pada kebiasaannya pihak penjual akan meletakkan harga tertentu ke atas barangan yang akan dijual dan para pembeli atau pembida akan menawar barangan tersebut dengan harga yang lebih tinggi secara terbuka. Artinya, setiap pembeli atau pembida tahu harga

yang ditawarkan. Namun kebiasaan ini berbeza dengan apa yang berlaku di Pasar Bisik Kuala Muda dimana transaksi jual beli lelong dilakukan secara bisik. Tambahan pula barang yang ditawarkan hanyalah berkisar dari tangkapan laut.

a. Hipotesis pertama: Ketiadaan rukun dan syarat jual beli

Suatu transaksi urusanniaga atau jual beli dianggap sah jika terpenuhi rukun dan syaratnya. Rukun adalah sesuatu yang mesti ada di dalam transaksi, manakala syarat adalah sesuatu yang wujud dan terpenuhi dalam rukun tersebut. Jual beli atau al-bayc membawa maksud pertukaran harta dengan harta secara kepemilikan dan bersifat kekal. (tamlikan wa ta'bidan). (Al-Khin, al-Bugha, Al-Sarbaji, 2006). Al-bayc juga bermaksud pertukaran sesuatu barang dengan sesuatu sama ada pertukaran harta dengan harta atau pertukaran selain harta. Istilah al-bayc bukan sahaja bermaksud menjual, tetapi ia boleh digunakan untuk maksud membeli. (Yasmin, Muhammad Aunurrochim, 2011) Sepertimana disebutkan di dalam Al- Qur'an dalam surah Yusuf ayat 20 yang bermaksud: "Dan mereka menjualnya (Yusuf) dengan harga murah."

Terdapat tiga rukun dalam urusanniaga jual beli. Pertama, penjual dan pembeli (al-aqidan). Kedua, sighth. Ketiga, barangan dan harga (al-macqud alayh). Selain itu, Islam juga mengharamkan urusanniaga yang mengandungi sebarang unsur kezaliman dan mewajibkan agar diterapkannya keadilan dalam setiap urusanniaga (Yusuf 2009). Selain itu juga, urusanniaga mestilah dilakukan secara reda, sukarela tanpa ada unsur paksaan. Sepertimana disebutkan di dalam hadis Rasul (saw) yang bermaksud: Sesungguhnya jual beli itu (berdasarkan) saling reda (antara dua pihak). (Al-Albaniy, 1985).

Lelong atau bayc al-muzayadah dalam konteks fiqh muamalat termasuk dalam kategori bentuk jual-beli dimana berlaku pertukaran harta dengan barangan. Oleh kerananya, secara prinsip segala perkara yang boleh menjadikan akad jual beli sah seperti rukun dan syarat mestilah wujud di dalam mana-mana transaksi jual beli. Di dalam praktek lelong didapati bahawa ketiga-tiga rukun tersebut terpenuhi, iaitu, aqidan (penjual dan pembeli), barangan dan harga serta sighth.

Sighah atau lafaz boleh berbentuk perkataan, tulisan, perbuatan ataupun isyarat dan sebagainya yang memberi maksud kehendak berakad. Dengan kata lain ia merupakan kata-kata atau ungkapan dari kedua-dua pihak (penjual dan pembeli) yang menggambarkan kehendak, kerelaan dan matlamat dalam bertransaksi. (Al-Khin Mustafa, 2006). Asas yang paling penting untuk membentuk sesuatu akad adalah tawaran (ijab) dan penerimaan (qabul). Tawaran dan penerimaan itu dianggap sah dan memberi kesan dalam akad jika menepati syarat sighah. Menurut Najati (2002) terdapat tiga syarat sighah, pertama lafaz yang digunakan adalah jelas antara kedua orang yang bertransaksi. Kedua, persetujuan antara dua orang yang bertransaksi dan ketiga, berada dalam majlis yang sama. Dalam konteks jual-beli lelong Najati (2002) menambahkan satu lagi syarat khusus dalam sighah iaitu kerelaan atau saling meredai antara penjual dan pembeli. Al-Khin Mustafa (2006) menyatakan kerelaan adalah syarat kesahihan akad jual-beli. Memandangkan kerelaan adalah perkara yang tersembunyi maka cara yang paling tepat untuk mengungkapkan hal tersebut adalah melalui sighah yang terdiri dari ijab (penjual) dan qabul (pembeli). Beliau juga menetapkan tiga syarat untuk sighah iaitu penawaran yang dibuat antara kedua-dua pihak tidak putus disebabkan oleh kelewatan penerimaan, ketepatan antara penawaran dan penerimaan, tiada syarat waktu dalam dalam akad; sighah mestilah menyatakan kepemilikan yang bersifat kekal. (Al-Khin Mustafa, 2006)

Hailani dan Sanep (2009) menyatakan terdapat empat syarat sighah iaitu ketetapan antara tawaran dan terimaan yang membentuk akad jual beli, tawaran dan terimaan mestilah berlaku dalam majlis akad, tawaran tidak putus disebabkan oleh kelewatan penerimaan dibuat dan tawaran yang dibuat itu ke atas barang yang masih ada semasa akad dilaksanakan. Manakala syarat sighah menurut Faizah (2000) pula ialah setiap tawaran dan penerimaan semestinya menggambarkan secara jelas kehendak pihak yang melakukan kontrak, penerimaan mestilah bersesuaian dengan tawaran, setiap pihak yang berakad memahami kehendak pihak yang satu lagi dan penerimaan hendaklah bersambung dengan tawaran.

Dari perbincangan ulama mendapati bahawa ijab dan qabul dalam suatu akad jual beli

mestilah dibuat dengan kata-kata atau ucapan yang jelas. Menurut Ibn Taymiyyah (2003). (1949) Ijab dan Qabul boleh dibuat dalam bentuk atau cara apapun sepanjang ia menunjukkan kerelaan, kesepakatan dalam tawar menawar harga dan sebagainya. Mohd Ghazali (2002) menyatakan beberapa bentuk sighah yang biasa dilakukan dalam bertransaksi; pertama, secara lisan, kedua secara tulisan, ketiga melalui pesanan yang dikirim menerusi seseorang wakil yang dipercayai, keempat menerusi isyarat dan gerakan tangan terutamanya jika orang yang membuat ijab itu bisu dan tuli atau penerima tidak faham bahawa seseorang membuat tawaran, kelima secara perbuatan. Hukum asal yang dijadikan parameter adalah cara dan kebiasaan masyarakat; apa yang mereka anggap sebagai cara atau amalan dalam jual beli maka itulah yang mereka anuti sepanjang tradisi tersebut tidak menyalahi syarak. Penawaran secara berbisik tidak menunjukkan ketidakjelasan akad meskipun ia hanya boleh didengar oleh penjual dan seorang pembeli sahaja. Mekanisme berbisik dalam transaksi jual beli lelong sepertimana yang diamalkan di Pasar Bisik di Kuala Muda. dianggap satu tradisi yang tidak bercanggah dengan ketentuan-ketentuan di dalam sighah jual beli.

b. Hipotesis kedua: Wujud elemen al-saum

Di dalam mazhab Syaficiy al-saum diklasifikasikan ke dalam jual beli yang haram tetapi sah (al-buyuc al-muharramah ghair al-batilah). Keharaman al-saum bukan disebabkan tidak terpenuhi rukun dan syarat jual beli, melainkan dikeranakan factor luaran. Oleh itu, perbuatan saum hukumnya haram tetapi sah dan berdosa bagi sesiapa yang melakukannya. (Al-Khin Mustafa, 2006).

Lelong atau bayc al-muzayadah bukanlah jual beli yang mengandungi unsur al-saum yang ditegah dalam hadis tersebut, kerana al-saum yang dimaksud adalah yang berlaku ketika sudah ada kerelaan pembeli ke atas harga yang disepakati dan persetujuan penjual kepada pembeli. Al-muzāyadah adalah satu mekanisme pasar yang mengajak para pembeli untuk saling menawar harga ke atas suatu barangan sebelum dicapai kerelaan atau kata sepakat ke atas harga dan persetujuan penjual kepada pembeli. Amalan menawar sesuatu barang/perkhidmatan yang sudah ditawarkan oleh orang lain dapat

diklasifikasi menjadi tiga kategori: Pertama; Apabila wujud persetujuan secara eksplisit dari penjual ke atas harga dari salah satu pembida, sebelum berlaku akad jual beli, maka orang lain tidak dibenarkan membuat bidaan (al-saum ala saum akhiih).

Kedua; Apabila tidak wujud indikasi kesepakatan mahupun penolakan bidaan atau tawaran dari penjual, maka tidak ada larangan syarak bagi orang lain untuk menawarnya ataupun menaikkan tawaran pertama (al-muzayadah). Sebagaimana qiyas dari hadits Fathimah binti Qais ketika memberitahukan kepada Nabi bahawa Mucawiyah dan Abu Jahm telah memintangnya, maka kerana tidak ada indikasi persetujuan darinya terhadap lamaran tersebut, Baginda menawarkan padanya untuk menikah dengan Usamah bin Zaid. Ketiga; Apabila ada indikasi persetujuan dari penjual terhadap suatu penawaran meskipun tidak dinyatakan secara eksplisit, maka menurut Ibnu Qudamah tetap tidak diperkenankan untuk ditawarkan orang lain. (al-Syawkaniy, 1986). Keempat: Apabila akad jual beli sudah terlaksana dan belum berpisah dari majlis akad; (al-syira' ala syira' akhiih). Oleh yang demikian, bay' al-muzayadah dari segi hukum berbeza dengan praktek al- saum ala saum akhiih dan al-syira' ala syira' akhiih. Yang pertama hukumnya harus manakala bakinya adalah haram.

c. Hipotesis ketiga: Wujud elemen Riba

Lelong atau Bay' Al-muzayadah bukan termasuk transaksi yang mengandungi unsur riba meskipun istilah al-muzayadah berasal dari kata terbitan al-ziyadah yang bermaksud tambahan sepertimana istilah riba. Pengertian tambahan dalam transaksi Bayc Al-muzayadah adalah penawaran harga lebih (tinggi) dalam transaksi tersebut yang ditetapkan oleh penjual, atau sekiranya bidaan atau tawaran dibuat oleh pembeli maka yang berlaku adalah penurunan tawaran. Manakala dalam praktek riba, lebihan atau tambahan yang dimaksud adalah tambahan yang sama ada disepakati di awal kontrak ataupun tidak. Riba dari segi bahasa adalah kata terbitan yang bermaksud tambahan, perbuatan menambah (amaliyyah ziyadah), bertambah (al-zaid). (Muhammad Aunurrochim, 2007).

Sebagaimana disebutkan di dalam surah al-Rum ayat 29 yang bermaksud: Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan supaya bertambah kembangnya

dalam pusiangan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan berkembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda. Riba juga bermakna pinjaman yang mengandungi unsur tambahan (al-qard al-ribawiy) sebagaimana yang dimaksudkan di dalam surah al-Baqarah ayat 275 di mana Allah (s.w.t) menghalalkan jual beli dan mengharamkan pinjaman ribawiy atau segala sesuatu yang mengarah kepada riba.

Namun begitu, tidak semua pertambahan atau lebihan dianggap sebagai riba, kerana ada juga pertambahan dalam modal yang dibenarkan oleh syarak seperti keuntungan dalam perniagaan yang tidak diharamkan. Riba dapat diklasifikasikan kepada tiga kategori berdasarkan aspek yang berbeza. Aspek hutang, riba didefinisikan sebagai tambahan dalam kadar tertentu ke atas harta pokok tanpa ada elemen jual beli. Maknanya, kadar lebihan ditentukan terlebih dahulu sama ada di awal kontrak, atau disebabkan dengan penangguhan tempoh dengan syarat tertentu dalam jangka masa tertentu pula. Dari aspek pandangan orang awam riba didefinisikan sebagai segala tambahan ke atas sesuatu. Manakala riba dari aspek jual beli adalah lebihan atau tambahan harta pada satu pihak dalam pertukaran sesetengah barangan dan matawang, sama ada kerana kuantiti barangan tukaran yang berbeza ataupun perbezaan waktu pertukaran. Sebagaimana hadis Rasul saw yang diriwayatkan oleh Abu sa'id al-khudry yang bermaksud: Kami telah diberikan tamar yang bercampur-campur (daripada rampasan perang) dan menjual dua sa' (gantang dengan (harga) satu sa' (dengan tamar yang elok). Maka Rasulullah saw bersabda:” Dilarang berjual beli dua sa' dengan satu sa' dan dua dirham dengan satu dirham.” (Al-Bukhariy, n.d). Al-Zuhayliy (2002) menyatakan riba adalah lebihan harta tanpa diimbangi dengan tukaran pada kontrak-kontrak pertukaran harta. Berkaitan dengan akad jualan lelong maka tidak didapati apa apa yang menjurus kepada amalan riba atau yang boleh dikaitkan dengan amalan riba, sama ada dari segi penetapan harga ataupun teknik pelaksanaannya, Kerana harga yang sebenar hanya diketahui oleh pihak penjual sahaja.

Manakalah pihak pembeli hanya memberikan tawaran harga mengikut taksiran yang berpatutan.

d. Hipotesis keempat: Wujud elemen Gharar

Perkataan gharar dari segi bahasa bermaksud, menipu dan memberinya makan dengan cara yang batil. (khadcahu wa iacamahu bi al-batil). Gharar juga membawa maksud khatar atau merbahaya. Sebagai contoh, dia membahayakan jiwanya dan hartanya atau menyebabkan keduanya dalam kehancuran tanpa ia sedari. (Ibn Manzur, 1994). Muhammad Anunrochim (2007) menyatakan bahawa di dalam gharar terdapat dua unsur, iaitu keraguan kewujudan barang yang dijual belikan, dan sesuatu yang tidak diketahui (majhul). Ibn cAbidin (1966) juga memberikan maksud gharar dengan keraguan atas kewujudan barang yang dijual belikan. Manakala al- Murdada (n.d) menyatakan ketidakpastian atau (ragu) sama ada barang itu wujud atau tidak. Gharar dalam istilah perundangan muamalat Islam dikaitkan dengan kontrak jual beli yang diharamkan kerana mengandungi unsur unsur keraguan dan kesamaran yang tidak dapat dipastikan ketepatan sama ada dari segi barangan ataupun harga sehingga menyebabkan perselisihan antara pembeli dan penjual.

Al-Quran telah memberikan garis panduan tentang perlunya mengelak keraguan dan risiko yang menjadi punca perselisihan, antaranya: surah al-Nisa ayat 29 yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman, janganlah kamu memakan harta orang lain dengan cara yang ditekong, sebaliknya berniaga lah sesama kamu dengan saling reda meredai.” Surah al-Mutaffifin ayat 1-3 yang bermaksud: “Celakalah bagi mereka yang terlibat dengan penipuan mereka yang ingin ketepatan semasa orang lain menimbang bagi mereka, tetapi mengurangkan timbangan apabilamereka menimbang untuk orang lain.”

Dalam sebuah hadis juga disebutkan: Dariapada Abu Hurayrah Bahawasanya Rasul (s.a.w) melarang akan bayc al-hasat (jual beli dengan balingan batu kerikil) dan jual beli dengan gharar (penipuan). (Muslim, 1994). (Al-Tirmiziy, 1994). Dalam hadis yang lain: Dariapada Ibn cAbbas berkata: “Telah melarang Rasul (s.a.w) akan jual beli gharar (iaitu dengan unsur penipuan).” (Ibn Majah, 1994). (Al-ABaniy,1986)

Oleh yang demikian, jual beli gharar adalah semua jual beli yang mengandungi ketidakjelasan. Imam Mawardi (1999) menegaskan bahawa hakikat gharar yang ditegah dalam akad jual beli adalah suatu keadaan yang memiliki dua kemungkinan, tetapi kemungkinan buruklah yang paling besar peluangnya.” al-Hawiy al-Kabir: 5/25a

Menurut Suruhanjaya Sekuriti (2006) terdapat tiga aliran utama dalam mendefinisikan gharar. Pertama ialah gharar yang bermaksud jahalah (tidak maklum) terhadap barang jualan. Kedua pula gharar yang merujuk kepada syak Manakala yang ketiga gharar yang merujuk kepada sesuatu yang tidak diketahui akibatnya¹⁴. Berkaitan dengan barangan yang diniagakan dalam lelong tidak ada unsur kesamaran atau ketidakpastian, kerana masing-masing pembeli atau pembida tahu dan mengenal pasti barangan yang ditawarkan. Manakala harga pula tidak mempunyai unsur gharar kerana apabila harga disebut kepada penjual belum ada ijab dan qabul yang berlaku antara pembeli dan penjual meskipun dilakukan secara bisik. Di mana qabul adalah penerimaan oleh si pelelong yang belum memutuskan harga, kerana itulah harus bagi pihak lain menawarkan harga yang lebih tinggi.

e. Hipotesis kelima: Wujud elemen maysir atau qimar (pertaruhan)

Al-Khin (2006) menyatakan mana-mana bentuk jual beli yang mengandungi unsur maysir atau qimar (muqamarah) diklasifikasikan sebagai jual beli yang tidak sah (batil) dan haram. Kerana di dalam maysir terdapat unsur ketidakjelasan barangan dan kecacatan hasrat kedua-dua pihak yang bertransaksi. Seperti bayc al-mulamasah, al-munabazah, bayc al-hasat dan sebagainya. Islam sangat menegah segala jenis perbuatan yang bersandarkan kepada nasib tanpa ada usaha. Menurut Suruhanjaya Sekuriti (2006) maysir dapat diertikan apa jua aktiviti yang melibatkan pertaruhan, iaitu pihak yang menang akan mengambil semua pertaruhan dan pihak yang kalah akan kehilangan pertaruhannya. Dalam prakteknya, tidak timbul unsur maysir di dalam jual beli lelong secara bisik. Para pembeli yang menawar harga ke atas suatu barangan tidak boleh dianggap sebagai pelaku maysir. Sebab, para pembeli ini tidak disyaratkan untuk membayar atau mempertaruhkan sejumlah wang (advance)

sebelum dibenarkan melakukan bidaan. Selain itu, sebelum membisikkan harga kepada penjual para pembeli tentu telah mengetahui nilai barangan tersebut sama ada dari segi kualiti ataupun kuantitinya berdasarkan taksiran dan pengalaman. Sekiranya pihak penjual menetapkan salah satu pembeli disebabkan kesesuaian harga maka pembeli-pembeli yang lain tidak merasa dirugikan. Oleh yang demikian, unsur maysir atau qimar tidak wujud dalam akad jual beli lelong secara bisik.

f. Hipotesis ke enam: Urbun (Jual beli dengan bayaran hangus)

Urbun dari segi bahasa ialah bayaran muka atau pendahuluan (Wahbah 2005). Bayc cUrbun merupakan wang pendahuluan yang dibayar oleh pembeli kepada penjual dalam sesuatu akad jual beli. Sekiranya jual beli diteruskan maka wang pendahuluan

ini akan menjadi sebahagian daripada harga barangan. Jika tidak, maka wang ini dianggap sebagai hibah (pemberian) daripada pembeli kepada penjual. Bayc curbun di dalam mazhab Syaficiy diklasifikasikan ke dalam jual beli yang tidak sah (batil) dan haram hukumnya. Keharaman dan ketidaksahih bayc urbun kerana wujud panetapan syarat dalam akad, iaitu (hibah li al-baic). Tetapi sekiranya tidak disyaratkan apa-apa dalam akad tersebut, dan selepas akad disempurnakan, maka tidaklah mengapa apabila pihak penjual meminta pembeli bahagian (harga) sebagai curbun. (Al-Khin, 2006).

Berdasarkan kepada pengertian tersebut ternyata bahawa secara prinsip bay' al-curbun mengandungi beberapa ciri (Ab Mumin & Fadillah 2006) iaitu, yang pertama pembeli mempunyai hak untuk membuat pilihan sama ada membeli barangan atau tidak untuk tempoh yang tertentu, namun ia bukanlah menjadi kewajiban untuk membeli. Kedua penjual pula tiada hak untuk menjual kepada mana-mana pembeli yang lain, sekalipun ditawarkan dengan harga yang lebih tinggi dan ia berkewajipan untuk menunggu dalam satu tempoh yang telah dijanjikan kerana telah menerima wang pendahuluan. Ketiga harga barangan itu telah dipersetujui bersama. Ini dapat dilihat berasaskan perjanjian mereka bahawa sekiranya proses jual beli itu disempurnakan, maka bayaran pendahuluan tersebut dianggap menjadi sebahagian daripada harga barangan. Keempat

terdapat tempoh yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak untuk memastikan pembelian barangan berlaku atau tidak.

Ala' al-Din (2007) menyebutkan kebanyakan ulama melarang jualan seumpama ini kerana bercanggah dengan sunnah. Mazhab Maliki dan Syafie menyatakan bahawa jualan ini dikira batal apabila penjual membuat ketetapan untuk tidak memulangkan wang hangus (urbun) kepada pembeli dalam kes jual beli tersebut tidak disempurnakan. Sebaliknya, jika syarat sedemikian tidak dibuat, jual beli itu dibolehkan. Mazhab Hanbali berpendapat bahawa jual beli sedemikian diizinkan kerana dibenarkan oleh Rasul (s.a.w). Walaupun ada dua pandangan bagi kaedah jual beli ini, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti memutuskan bahawa konsep bayc curbun diharuskan. Kerana telah menjadi amalan masyarakat dalam mengurus niaga, mereka membayar wang pendahuluan sebagai suatu bayaran, supaya hak mereka tidak hilang dalam tempoh tertentu. Perkara ini tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip syariah kerana ia merupakan curf sahih, untuk memastikan muamalat berjalan dengan lancar (Suruhanjaya Sekuriti 2006). Bayc al-curbun adalah satu bentuk kontrak jual beli berdasarkan kepada keperluan curuf semasa, namun ia perlu dilaksanakan secara cermat dan berhati-hati agar tidak berlaku kezaliman dalam menjalankan akad tersebut.

g. Hipotesis ketujuh: Wujud elemen najasy

Najasy masuk dalam kategori akad jual beli yang sah tetapi haram dari segi hukum. Najasy adalah perbuatan seseorang yang dengan sengaja menambahkan atau menaikkan harga ke atas suatu barangan tanpa ada niat untuk membeli, tetapi bertujuan untuk memperdaya orang lain agar membeli dengan harga yang lebih tinggi. Dari segi bahasa najasy bermaksud menutupi; menyembunyikan maksud yang sebenar. (Al-Khin, 2006). Ia juga bermaksud menghalau binatang buruan agar lari dari tempatnya untuk diburu. (Al-Masriy, 2011). Rasul (saw) bersabda: (naha al- nabiyy can al-najasy) (Al-Bukhariy, 1994). Maksudnya: Rasul (saw) melarang perbuatan najasy.

Apabila dikaitkan dengan jualan lelong maka tidak didapati adanya elemen najasy, sebab mereka yang terlibat dalam akad jualan lelong sama ada penjual atau pembeli ingin

menjalankan transaksi tersebut dengan tepat dan betul. Penjual ingin menjual barangannya dengan harga yang berpatutan begitu juga pembeli. Tetapi perlu diperjelaskan bahawa sekiranya berlaku pakatan antara penjual dengan salah satu pembeli untuk menipu dan

memperdaya pembeli-pembeli yang lain maka akad ini dianggap batal dan dihukumi haram, namun sekiranya tidak ada pakatan antara penjual dan pembeli dalam bidaan harga maka akad ini dianggap sah. (Al-Khin, 2006). (al-Masriy, 2011).

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas mendapati bahawa jual beli lelong merupakan salah satu jenis jual beli di mana pembeli menawar suatu barangan di khalayak ramai sampai pada batas harga tertinggi dari harga yang ditawarkan oleh pembeli-pembeli lain, yang disusuli dengan akad kesepakatan (ijab dan qabul) sekiranya penjual bersetuju dengan harga tersebut. Islam sangat memperhatikan dan menjaga kejujuran dalam berakad dan mencela perbuatan penipuan, kecurangan, riba dan sebagainya dalam menjalankan jual beli lelong. Sistem jual beli lelong mestilah dijalankan dengan sebaik-baiknya, jika tidak, ia boleh berlaku kezaliman yang dapat merugikan pihak-pihak yang terkait.

Setiap transaksi jual beli sama ada lelong mahupun jual beli pada kebiasannya mempunyai ketetapan yang harus dipatuhi, iaitu Sekiranya transaksi terlaksana dengan sempurna di mana penjual bersetuju dengan harga yang ditawarkan maka orang lain tidak dibenarkan untuk melakukan penawaran ke atas transaksi tersebut (al-saum). Menaikkan harga ke atas suatu barangan dengan tujuan memperdaya pembeli lain agar menawar harga yang lebih tinggi adalah haram (al-najsy) Menawar harga lebih tinggi ke atas suatu barangan sebelum dipersetujui oleh penjual adalah dibenarkan. Hal ini diqiyaskan dengan peristiwa pinangan Fatimah binti Qais oleh Muawiyah dan Abu Jahm yang pada ketika itu tidak ada tanda-tanda dipersetujui sehinggalah Usamah bin Zaid masuk meminang.

Dalam konteks pelaksanaan dan proses lelong secara bisik yang berlaku di Pasar Bisik Kuala Muda adalah menepati kehendak syarak kerana rukun dan syarat jual beli telah pun terpenuhi sepertimana yang digariskan di dalam syariah. Bisik merupakan satu mekanisme dalam suatu transaksi jualan lelong yang bersifat rahsia yang hanya diketahui oleh pembeli dan penjual. Ia tak

ubahnya seperti transaksi jual beli biasa yang dilakukan secara bertulis ataupun isyarat. Mekanisme seumpama ini tidak menyalahi syarak dan sesuai dengan maqasid syariah dalam konteks muamalat.

Apa yang penting dalam pelaksanaan jual beli lelong secara bisik tersebut tidak mengandungi elemen-elemen yang bertentangan dengan syarak, seperti riba, gharar, najsy, dan maysir serta persengkokolan antara pembeli dan penjual ataupun antara pemberli dengan pembeli sehingga boleh menjejaskan kesahihan akad tersebut. Untuk mengatasi agar elemen-elemen tersebut tidak berlaku dalam proses jual beli lelong secara bisik, bakal pembeli (pembida) dinasihatkan untuk tidak tergesa-gesa membeli barang lelongan agar tidak meletakkan harga bidaan yang terlalu tinggi ataupun rendah. Sebaliknya bakal pembeli (pembida) mestilah melihat keadaan pasar sambil memperhati kualiti dan kuantiti barang yang diurusniagakan dan bila perlu bertanya secara diam-diam kepada pembeli (pembida) yang telah berjaya memenangi proses lelong nilai bidaan yang dibuat. Dari situ, ia boleh membuat andaian, kiraan bahkan taksiran, berapakah harga yang wajar dibida ke atas barang yang hampir sama yang diletakkan oleh penjual seterusnya. Praktek lelongan tradisional dengan teknik bisikan patut dilestarikan kerana ia sudah menjadi budaya dan tradisi sejak puluhan tahun dahulu. Praktek lelongan berbeza dengan system harga tetap, justru ia memberikan kebebasan kepada penjual dalam menentukan keuntungan yang dikehendaki. Namun untuk mewujudkan ketelusan dalam transaksi lelong perlu dihindari unsur najsy iaitu pakatan sesama pembeli (pembida) dengan harga rendah atau pakatan antara pembeli dengan penjual untuk menaikkan harga untuk kepentingan penjual.

Rujukan

- A. Rahman Ritonga. (1999). *Fiqh Muamalah*. Batu Caves: Edaran Kalam.
- Abdullah al-Mushlih & Shalah ash-Shawi. (2004). *Fikih Islami Keuangan Islam*. Terj. Abu Umar Basyir. Jakarta: Darul Haq.
- Ab Mumin Ab. Ghani & Fadillah Mansor. (2006). *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Fayrūz Ābādiy. (1995). *al-Qāmūs al-Muhit. Beirut*: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Afzal-Ur-Rahman. (1980). *Doktrin Ekonomi Islam*. Terj. Zaharah Salleh. Jil 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ala'Eddin Kharofa. (2007). *Transaksi dalam Perundangan Islam*. Terj. Hailani Bin Muji Tahir. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad
- Al-Albaniy, Muhammad Nasir al-Din. (1985). *Irwa' al-Aghalil fi Takhrij Ahadis Manar al-Sabil*. Beirut : al-Maktab al-Islamiy.
- Al-Albaniy, Muhammad Nasir al-Din. (1986). *Sahih Sunan Ibn Majah*. Beyrut: Al- maktab al-Islamiy.
- Azhar, A., Hussain, M. A., Md. Nor, M. Z., & Othman, M. K. (2017). *Penyelidikan Fatwa Dalam Kerangka Maqasid Al-Syariah: Satu Tinjauan*. *Ulum Islamiyyah*, 20, 47 - 65. Retrieved from <http://uijournal.usim.edu.my/index.php/uij/article/view/40>.
- Chairuman Pasaribu H., Suhrawardi K. Lubis S.H. (1994). *Hukum Perjanjian dalam Islam*. Jakarta: Sinar Grafika.
- Faizah Hj. Ismail. (2000). *Asas-Asas Muamalat dalam Islam*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hailani dan Sanep. (2009). *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Al-Mawardiyy, Abu Hasan Aliy ibn Muhammmad. (1999). *Al-Hawiy al-Kabir fiy Fiqh al-Mazhab al-Imam al-Syafi'iy*. (t.tp): Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Hailani dan Sanep. (2009). *Aplikasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Ibn cAbidin. (1995). *Radd al-Mukhtar Ala al-Durr al-Mukhtar*. Beyrut: Dar al-Fikr. cet 3.
- Ibn Majah, Abu °Abd Allah ibn Zayd al-Quzwayniy. (n.d). *Sunan Ibn Majah* (sunt) Muhammad Fu'ad °Abd al-Baqiy. Beyrut: Dar Ihya' al-Turath al-cArabiy.
- Ibn Manzur, Abū al-Fadl Jamāl al-Din Muhammad Ibn Makram. (1995) *Lisān al-°Arab*. Beyrūt : Dār Sādir. Cet 3.
- Ibn Taymiyyah, Taqiyy al-Din Abu al-°Abbas Ahmad ibn °Abd al-Halim. (2003). *Majmu° al-Fatawa*. n.pl: Dar Adwa' al-Salaf.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Muwaffiq al-Din al-Maqdasiy. (1968). *Al-Mughniy*. n.pl: Maktabah al-Qahirah.
- Ibn Taymiyyah, Taqiyy al-Din Abu al-cAbbas Ahmad ibn °Abd al-Halim. (1949). *Nazariyyah al-°Aqd*. Muhammad Hamid al-Fiqiy, Nasir al-Din al-Albaniy. (ed.).pl: Matba°ah al-Sunnah al-Muhammadiyyah.
- Ibn Rusyd, Abu al-Walid Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Rusyd al- Qurtubiy. (1999). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasad*. (n.pl): Dar Ibn Hazm.
- Kamus Dewan. (2010). *Kamus Dewan*. Ed.4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kant, S. (2010). *Market, Timber Pricing and Forest Management*. *Forestry Chronicle* 86 (5).
- Krishna, V. (2002). *Auction Theory*. San Diego, USA: Academic Press.
- Al-Masriy, Rafiq Yunus. 2011. *Fiqh al-Muamalat al-Maliyyah Li Talabat Kulliyat al-Iqtisad wa al-Idarah*. Dimasyq: Dar al-Qolam.
- Mohd. Ma'sum Bilah. (2007). *Applied Islamic Law of Trade and Finance: A Selection of Comtemporary Practical Issue*. Ed.3. Malaysia: Sweet and Maxwell Asia.
- Mis Ni-Asini Nimae & Mariani Abd. Majid. Shofian Ahmad. 2011. "Lelongan Aset dari Perspektif Konvensional dan Islam." Prosiding Perkem IV.
- Muhammad Aunurrochim bin Mas'ad. (2007). *Konsep Keuntungan Mengikut Sistem Ekonomi Islam*. (Ph. D Tesis). Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Al-Murtada, Ahmad ibn Yahya ibn Mufaddal ibn Mansur. (n.d) *al-Bahr al-Zukhar al- Jami' li Madhahib 'Ulama' al-Amsar*. al-Qahirah: Dar al-Kitab al-Islamiy.
- Najati Muhammad Ilyas. (2002). *Juali Beli Lelong* (Bahasa Arab: Bay' al-Muzayadah). Urdun: Darun Nafais.
- Suruhanjaya Sekuriti. (2006). *Buku Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Ed-2. Kuala Lumpur: Suruhan Jaya Sekuriti.
- Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VI 2011 251.
- Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adam Wafa, Muhammad Nasri Md. Hussain dan Mohd. Hizam Hanafiah. (2002). *Pengantar Perniagaan Islam*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Tian G. (2010). *Lecture Notes Auction Theory*. Texas: Texas A&M University College Station.
- Al-Zuhailiy, Wahbah. 2005. *Fiqh Perundangan*. (Terj. Md. Akhir hj. Yaacob et al.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al. Zuhayliy, Wahbah. (2002). *Al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah*. Beyrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Wilson, R. (1990). *Strategic Analysis of Auction*. Amsterdam: North Holland/Elsevier Science Publishers.